

## Henti pertikai keputusan konsensus lantik Anwar jadi PM

**PUTRAJAYA** - Pihak yang tidak terlibat dalam konsensus Pakatan Harapan (PH) untuk menjadikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri selepas Tun Dr Mahathir Mohamad diminta untuk berhenti mempertikaikan keputusan tersebut.

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, peralihan kuasa antara Dr Mahathir dan Anwar akan tetap berlaku kerana ia telah dimuktamadkan dalam perjanjian yang ditandatangani pada 7 Januari 2018 sebelum Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) diadakan.

Menurutnya, perjanjian itu telah ditandatangani bersama antara Dr Mahathir, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Presiden Parti Amanah Nasional (Amanah), Mohammad Sabu; Pengurus DAP, Tan Kok Wai dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Kita dapati ada sesetengah daripada ulasan dikeluarkan oleh orang yang bukan sebahagian daripada kami dahulu. Bila kami jadi kerajaan, barulah dia masuk."



Salfuddin (kanan) dalam wawancara khas bersama *Sinar Harian* di KPDNHEP, Putrajaya semalam.

"Tan Sri Rais Yatim, misalnya, pada 2018 kita lawan dia, sekarang dia masuk (PH). Dia pula sebut segala perkara yang dia tidak pernah terlibat dalam proses awal semasa kami muktamadkannya pada 7 Januari lalu.

"Kalau ada satu yang saya kira terkilan, itulah (kenyataan Rais). Kurang cermat dan berhemah (dalam membuat kenyataan). Rujuk balik kepada konsensus asal," katanya dalam wawancara khas bersama *Sinar Harian* di sini semalam.

Saifuddin yang merupakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ketika diminta mengulas mengenai isu peralihan kuasa yang semakin hangat diperkatakan ketika ini berkata, meskipun dalam perjanjian itu tidak meletakkan tarikh tertentu berhubung perkara tersebut, namun yang jelas ia tetap akan berlaku.

"Dalam perbincangan itu sebenarnya sudah diberi gambaran atau satu isyarat yang sangat jelas," katanya.

## 'Tidak salah Azmin nak jadi PM'

**PUTRAJAYA** - Parti Keadilan Rakyat (PKR) sedia 'memberi laluan' kepada mana-mana pemimpin dalam parti itu termasuk Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sekiranya beliau mempunyai cita-cita untuk menjadi Perdana Menteri kelapan.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tidak salah bagi mana-mana ahli politik untuk mempunyai keinginan sedemikian tetapi ia perlu dilakukan secara tertib.

Menurutnya, Mohamed Azmin yang juga Timbalan Presiden PKR perlu membawa nama beliau ke mesyuarat supaya dapat mengubah keputusan parti yang sebelum ini menamakan Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Perdana Menteri kelapan.

"Jika Mohamed Azmin, misalnya, ada cita-cita hendak jadi Perdana Menteri, katakanlah. Pertama, dia kena zahirkan. Kedua, dia kena bawa ke dalam PKR untuk ubah keputusan parti yang sebelum ini menamakan calon Perdana Menteri kelapan ialah Anwar.

"Jadi Mohamed Azmin ada (kehinginan untuk jadi Perdana Menteri) tidak salah. Hendak ada cita-cita boleh. Orang politik boleh ada cita-cita itu, tidak salah," katanya dalam wawancara khas bersama *Sinar Harian* di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kemungkinan wujud pakatan daripada kem Mohamed Azmin untuk menggagalkan proses peralihan jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Anwar.

Pada November lalu, Mohamed Azmin mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) di kediaman rasminya di Presint 10 di sini.

Pertemuan itu didakwa diadakan bagi mendapatkan sokongan ahli Parlimen berkenaan untuk menggagalkan peralihan kuasa tersebut.

HARI : **RABU**  
TARIKH : **8/1/2020**  
M/SURAT : **6**

Konflik antara Mohamed Azmin dan Anwar terus memuncak apabila Ahli Parlimen Gombak itu bersama penyokongnya bertindak keluar dewan ketika Kongres Nasional Keadilan diadakan di Melaka pada awal Disember lalu.

Mohamed Azmin kemudian bersama beberapa pemimpin daripada kemnya hadir pada majlis makan malam yang disertai ribuan ahli dan penyokongnya, sekali gus menjadi pentas untuk menyerang Anwar.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Saifuddin berkata, selepas keputusan parti itu berubah, maka ia boleh dibawa kepada mesyuarat Majlis Presiden PH.

"Majlis Presiden PH akan membincangkan tentang keputusan PKR sudah ada calon lain (sebagai Perdana Menteri)," katanya.

Saifuddin berkata, dengan cara itu sahaja boleh memastikan cita-cita Mohamed Azmin untuk menawarkan diri sebagai Perdana Menteri akan terlaksana.